

Penyata Kewangan



- 105** Laporan Pengarah
- 109** Kunci Kira-kira
- 110** Penyata Pendapatan
- 111** Penyata Perubahan Ekuiti
- 112** Penyata Aliran Tunai
- 114** Nota-nota Kepada Penyata Kewangan
- 144** Penyata Pengarah
- 144** Akuan Berkanun
- 145** Laporan Juruaudit

Laporan Pengarah

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan mereka serta penyata kewangan Syarikat ini yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat ini adalah membeli pinjaman gadai janji, hutang sewa beli dan pemajakan dari pemberi pinjaman utama yang diluluskan oleh Syarikat ini dan menerbitkan bon dan nota untuk membiayai pembelian tersebut. Syarikat ini juga membeli hutang pembiayaan rumah dan hutang sewa beli secara Islam dan menerbitkan bon berlandaskan prinsip Islam.

Tiada perubahan penting berlaku dalam kegiatan berkenaan di sepanjang tahun.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM'000
Untung sebelum cukai dan zakat	192,512
Cukai	(53,945)
Zakat	(277)
	<hr/>
Untung bersih untuk tahun ini	138,290
Perolehan tertahan dibawa ke hadapan	1,014,266
	<hr/>
Untung yang boleh diagihkan	1,152,556
Dividen akhir (selepas cukai pendapatan sebanyak 28%) untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002	(16,200)
Dividen khas (dikecualikan cukai pendapatan) untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002	(139,500)
Dividen interim (selepas cukai pendapatan sebanyak 28%) untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003	(10,800)
	<hr/>
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	986,056
	<hr/>

DIVIDEN

Dividen yang dibayar oleh Syarikat ini sejak 31 Disember 2002 adalah seperti berikut:

	RM'000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002, seperti yang ditunjukkan dalam laporan Pengarah tahun berkenaan,	
dividen kasar akhir sebanyak 15 sen sesyer di atas 150,000,000 syer biasa (ditolak cukai pendapatan) dibayar pada 14 April 2003	16,200
dividen kasar khas sebanyak 93 sen sesyer di atas 150,000,000 syer biasa (dikecualikan cukai pendapatan) dibayar pada 14 April 2003	139,500
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003, dividen kasar interim sebanyak 10 sen sesyer di atas 150,000,000 syer biasa (ditolak cukai pendapatan) dibayar pada 1 Oktober 2003	10,800
	<hr/>
	166,500
	<hr/>

DIVIDEN (Sambungan)

Para Pengarah kini mencadangkan pembayaran dividen kasar akhir sebanyak 5 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan) di atas 150,000,000 syer biasa berjumlah RM5,400,000 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003, bergantung kepada kelulusan ahli-ahli di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, akan dibayar pada 13 April 2004 kepada para pemegang syer yang berdaftar dalam Daftar Ahli Syarikat ini pada penutup perniagaan pada 22 Mac 2004.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Kesemua pindahan matan kepada atau dari rizab dan peruntukan sepanjang tahun ini ditunjukkan di dalam penyata kewangan.

LEMBAGA PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sepanjang tahun sejak tarikh laporan yang terakhir adalah seperti berikut:

Dato' Ooi Sang Kuang (Pengerusi)
Tan Sri Dato' Azman Hashim
Datuk Tay Ah Lek
Dato' Tan Teong Hean
Datuk Amirsham A. Aziz
Mohamed Azmi Mahmood
Md Agil Mohd Natt
Dato' Mohd Razif Abdul Kadir
Dr. Rozali Mohamed Ali
Dato' Wan Ismail Abdul Rahman
Dato' Albert Yeoh Beow Tit (dilantik pada 16.9.2003)
Zarir Jal Cama (dilantik pada 16.9.2003)
Shayne Keith Nelson (dilantik pada 29.10.2003)
Michael Andrew Hague (meletak jawatan pada 11.2.2004)

Menurut Tataurusian Persatuan Syarikat ini, para Pengarah berikut akan bersara mengikut giliran di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, oleh kerana layak, menawarkan diri untuk dipilih semula:

Dr. Rozali Mohamed Ali
Dato' Tan Teong Hean
Tan Sri Dato' Azman Hashim

Menurut Tataurusian Persatuan Syarikat ini, para Pengarah berikut akan meletak jawatan di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, oleh kerana layak, menawarkan diri untuk dipilih semula:

Dato' Albert Yeoh Beow Tit
Zarir Jal Cama
Shayne Keith Nelson

FAEDAH PENGARAH

Pada sepanjang dan akhir tahun, Syarikat ini tidak terlibat di dalam sebarang urusan yang bertujuan untuk membolehkan para Pengarah Syarikat ini mendapat faedah melalui perolehan syer atau debentur Syarikat ini atau badan korporat lain.

Sejak akhir tahun yang lalu, tidak ada Pengarah yang menerima atau layak untuk menerima apa-apa faedah (selain daripada yang dinyatakan sebagai ganjaran Pengarah dalam Nota 19 kepada penyata kewangan) berasaskan kepada kontrak yang dibuat oleh Syarikat ini atau perbadanan berkaitan dengan Pengarah berkenaan atau dengan firma di mana Pengarah tersebut menjadi ahli, atau dengan syarikat yang ia mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

KEPENTINGAN PENGARAH

Mengikut daftar pemegangan syer para Pengarah, Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam syer Syarikat ini.

MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat ini disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:

- (a) untuk menentukan bahawa tindakan telah diambil berhubung dengan menghapus kira hutang lapuk dan peruntukan untuk hutang ragu, dan berpuas hati bahawa segala hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa aset semasa, selain daripada hutang, yang tidak berkemungkinan terealisasi dalam urusan perniagaan biasa, nilainya yang ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan Syarikat ini telah dikurangkan nilainya ke nilai yang dijangka boleh terealisasi.

Para Pengarah tidak mendapati adanya sebarang keadaan pada tarikh laporan ini yang mungkin mengakibatkan:

- (a) jumlah hutang lapuk yang dihapus kira atau jumlah peruntukan untuk hutang ragu di dalam penyata kewangan Syarikat ini tidak mencukupi secara hakikinya; atau
- (b) nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Syarikat ini mengelirukan; atau
- (c) kaedah yang digunakan untuk menilai aset atau liabiliti Syarikat ini yang sedia ada mengelirukan atau tidak sesuai.

Pada pendapat para Pengarah, tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang akan atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Syarikat ini untuk memenuhi tanggungjawab tersebut apabila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:

- (a) sebarang cagaran terhadap aset Syarikat ini yang timbul sejak akhir tahun yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
- (b) sebarang liabiliti luar jangka Syarikat ini yang timbul sejak akhir tahun.

MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN (Sambungan)

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mendapati adanya sebarang keadaan yang tidak diambil kira dalam laporan atau penyata kewangan yang boleh mengakibatkan kekeliruan terhadap mana-mana jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat para Pengarah,

- (a) keputusan operasi Syarikat ini sepanjang tahun tidak terjejas oleh sebarang butir, urusan niaga atau kejadian yang matan dan luar biasa; dan
- (b) tiada timbul sebarang butir, urusan niaga atau kejadian yang matan dan luar biasa dari akhir tahun hingga tarikh laporan ini yang boleh menjejaskan keputusan operasi Syarikat ini untuk tahun kewangan laporan ini disediakan.

URUS NIAGA DENGAN PIHAK YANG BERKAITAN

Kebanyakan urusan niaga yang melibatkan pinjaman gadai janji, hutang sewa beli dan pemajakan, hutang pembiayaan rumah dan hutang sewa beli secara Islam serta penerbitan sekuriti hutang tidak bercagar adalah dibuat secara tulus dengan pihak-pihak yang berkaitan dengan Syarikat ini, iaitu institusi-institusi kewangan yang mempunyai kaitan sebagai para pemegang syer Cagamas Berhad.


JURUAUDIT

Juruaudit Syarikat ini, PricewaterhouseCoopers telah menyatakan kesediaan mereka untuk terus menjadi juruaudit Syarikat ini.

Selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 26 Februari 2004.



DATO' OOI SANG KUANG
PENGERUSI



TAN SRI DATO' AZMAN HASHIM
PENGARAH

Kunci Kira-kira

Pada 31 Disember 2003

	Nota	2003 RM'000	2002 RM'000
ASET			
Tunai dan dana jangka pendek	4	73,648	60,900
Jumlah terhutang dari rakan niaga	5	26,431,423	25,330,082
Sekuriti pelaburan	6	382,825	224,644
Hutang pembiayaan secara Islam	7	907,689	703,390
Cukai boleh pulih		1,455	11,964
Aset-aset lain	8	50,983	47,951
Aset tetap	9	5,101	4,204
JUMLAH ASET		27,853,124	26,383,135
LIABILITI			
Bon dan nota pembawa tidak bercagar	10	26,433,248	24,940,165
Cukai tertunda	11	10,505	7,588
Liabiliti-liabiliti lain	12	273,315	271,116
JUMLAH LIABILITI		26,717,068	25,218,869
MODAL SYER	13	150,000	150,000
RIZAB	14	986,056	1,014,266
DANA PEMEGANG SYER		1,136,056	1,164,266
JUMLAH LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SYER		27,853,124	26,383,135
ASET KETARA BERSIH SESYER (RM)	21	7.57	7.76

Nota-nota di muka surat 114 hingga 143 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Pendapatan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003

	Nota	2003 RM'000	2002 RM'000
PENDAPATAN FAEDAH	15	1,060,696	1,146,321
PERBELANJAAN FAEDAH	16	(872,774)	(941,443)
PENDAPATAN FAEDAH BERSIH		187,922	204,878
PENDAPATAN OPERASI SECARA ISLAM	31	2,519	1,388
PENDAPATAN BUKAN FAEDAH	17	9,963	9,339
PENDAPATAN BERSIH		200,404	215,605
PERBELANJAAN PENTADBIRAN DAN AM		(4,257)	(4,426)
KOS KAKITANGAN		(3,635)	(3,675)
UNTUNG SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT	18	192,512	207,504
CUKAI	20	(53,945)	(57,196)
ZAKAT		(277)	(254)
UNTUNG BERSIH UNTUK TAHUN INI		138,290	150,054
PENDAPATAN SESYER (SEN)	21	92.2	100.0
DIVIDEN SESYER (SEN)	22	15	118

Nota-nota di muka surat 114 hingga 143 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan Ekuiti

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003

	Syer biasa RM1 setiap satu diterbitkan dan berbayar sepenuhnya		Boleh diagihkan	
	Jumlah Syer RM'000	Nilai Nominal RM'000	Perolehan Tertahan RM'000	Jumlah RM'000
Baki pada 1 Januari 2002	150,000	150,000	885,812	1,035,812
Untung bersih untuk tahun ini	–	–	150,054	150,054
Dividen untuk tahun kewangan berakhir:				
31 Disember 2001				
– dividen akhir berjumlah 10 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan)	–	–	(10,800)	(10,800)
31 Disember 2002				
– dividen interim berjumlah 10 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan)	–	–	(10,800)	(10,800)
Baki pada 31 Disember 2002	150,000	150,000	1,014,266	1,164,266
Untung bersih untuk tahun ini	–	–	138,290	138,290
Dividen untuk tahun kewangan berakhir:				
31 Disember 2002				
– dividen akhir berjumlah 15 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan)	–	–	(16,200)	(16,200)
– dividen khas berjumlah 93 sen sesyer (dikecualikan cukai pendapatan)	–	–	(139,500)	(139,500)
31 Disember 2003				
– dividen interim berjumlah 10 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan)	–	–	(10,800)	(10,800)
Baki pada 31 Disember 2003	150,000	150,000	986,056	1,136,056

Nota-nota di muka surat 114 hingga 143 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Aliran Tunai

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003

	2003 RM'000	2002 RM'000
KEGIATAN KENDALIAN		
Untung bersih untuk tahun ini	138,290	150,054
Pelarasan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaburan dan yang tidak melibatkan pergerakan tunai dan kesamaan tunai:		
Pelunasan premium ke atas Sekuriti Kerajaan Malaysia	554	380
Pelunasan premium ditolak pertambahan diskaun ke atas sekuriti hutang secara Islam	1,243	106
Pendapatan terakru dari sekuriti hutang secara Islam	(14,492)	(10,398)
Pendapatan faedah terakru dari pelaburan	(3,567)	(2,634)
Pendapatan faedah terakru dari swap kadar faedah	(5,612)	(14,324)
Susut nilai aset tetap	856	754
Laba ke atas pelupusan aset tetap	(26)	(53)
Cukai	53,945	57,196
Zakat	277	254
Untung kendalian sebelum perubahan modal kerja	171,468	181,335
Pertambahan jumlah terhutang dari rakan niaga	(1,101,342)	(3,207,296)
Pertambahan hutang pembiayaan secara Islam	(204,299)	(560,436)
Pengurangan/(pertambahan) aset-aset lain	9,502	(663)
Pertambahan bon dan nota pembawa tidak bercagar	1,493,083	3,423,654
Pertambahan liabiliti-liabiliti lain	2,175	11,731
Tunai hasil dari/(digunakan dalam) kegiatan kendalian	370,587	(151,675)
Pembayaran zakat	(253)	(77)
Pembayaran cukai	(52,514)	(42,152)
Tunai bersih hasil dari/(digunakan dalam) kegiatan kendalian	317,820	(193,904)
KEGIATAN PELABURAN		
Pembelian:		
Pelaburan	(150,095)	(51,350)
Aset tetap	(1,753)	(2,347)
Pendapatan diterima dari sekuriti hutang secara Islam	2,718	586
Pendapatan faedah diterima dari pelaburan	2,943	2,634
Pendapatan faedah diterima dari swap kadar faedah	7,589	14,088
Hasil dari pelupusan aset tetap	26	68
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan	(138,572)	(36,321)

Penyata Aliran Tunai

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003 (Sambungan)

	2003 RM'000	2002 RM'000
KEGIATAN PEMBIAYAAN		
Pembayaran dividen	(166,500)	(21,600)
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pembiayaan	(166,500)	(21,600)
Pertambahan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan kesamaan tunai	12,748	(251,825)
Tunai dan kesamaan tunai pada awal tahun	60,900	312,725
Tunai dan kesamaan tunai pada akhir tahun	73,648	60,900
Analisis tunai dan kesamaan tunai:		
Tunai dan dana jangka pendek	73,648	60,900

Nota-nota di muka surat 114 hingga 143 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

1 MAKLUMAT AM

Kegiatan utama Syarikat ini adalah membeli pinjaman gadai janji, hutang sewa beli dan pemajakan dari pemberi pinjaman primer yang diluluskan oleh Syarikat ini dan menerbitkan bon dan nota untuk membiayai pembelian tersebut. Syarikat ini juga membeli hutang pembiayaan rumah dan hutang sewa beli secara Islam dan menerbitkan bon berlandaskan prinsip Islam.

Tiada perubahan penting berlaku dalam kegiatan berkenaan pada sepanjang tahun.

Jumlah pekerja Syarikat ini pada akhir tahun adalah seramai 53 orang (2002: 54).

Syarikat ini merupakan syarikat liabiliti terhad, dipisahkan dan bermastautin di Malaysia.

Alamat pejabat berdaftar dan tempat utama urusan perniagaan Syarikat ini ialah Tingkat 19, Bahagian Barat, Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

Kesemua dasar-dasar penting perakaunan yang dinyatakan di bawah adalah konsisten dengan dasar-dasar yang digunakan pada tahun sebelumnya.

(a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan Syarikat ini telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah melainkan sekiranya dinyatakan di dalam ringkasan dasar-dasar penting perakaunan ini.

Penyata kewangan ini mematuhi piawai perakaunan yang berkaitan yang diluluskan di Malaysia dan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Penyata kewangan ini menggabungkan aktiviti berkaitan dengan operasi secara Islam Syarikat ini.

Operasi secara Islam Syarikat ini merujuk kepada pembelian hutang pembiayaan rumah dan hutang sewa beli secara Islam dari pemberi pembiayaan yang diluluskan dan penerbitan sekuriti hutang berlandaskan prinsip Islam, serta pembelian, pelaburan dan dagangan instrumen kewangan Islam. Dalam perakaunan bagi operasi secara Islam, Syarikat ini telah mengubahsuai dasar perakaunan sekiranya perlu untuk mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

(b) Jumlah terhutang dari rakan niaga

Nota 1 di dalam penyata kewangan ini menerangkan tentang kegiatan utama Syarikat ini iaitu, antara lain, membeli pinjaman gadai janji dan hutang sewa beli dan pemajakan. Kegiatan ini juga dinyatakan di dalam fasal objek Memorandum Persatuan Syarikat ini.

Pembelian "Pinjaman gadai janji dan hutang sewa beli dan pemajakan" telah diklasifikasikan semula sebagai "Jumlah terhutang dari rakan niaga" di dalam kunci kira-kira menurut garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia kepada institusi kewangan pada 31 Julai 2001. Walau bagaimanapun, Syarikat ini dan rakan niaga kepada urus niaga tersebut masih menganggap urus niaga berkenaan sebagai urusan jual beli. Syarikat ini dan rakan niaga yang berkaitan telah memeterai perjanjian yang menyatakan bahawa sebarang pengklasifikasian semula perakaunan yang dibuat hanyalah untuk memenuhi konvensyen perakaunan dan/atau untuk mematuhi arahan pihak berkuasa dan ianya tidak mencerminkan atau mengubah tujuan pihak yang terbabit untuk menjalankan urusan jualan dalam erti kata yang sebenar.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (Sambungan)

(b) Jumlah terhutang dari rakan niaga (Sambungan)

Pada tarikh kunci kira-kira, jumlah terhutang dari rakan niaga berkaitan dengan pinjaman gadaai janji dan hutang sewa beli dan pemajakan adalah dinyatakan pada baki pokok yang belum dibayar kepada Syarikat ini. Pendapatan faedah di atas jumlah terhutang dari rakan niaga dikira menurut asas akruan dan pada kadar faedah masing-masing mengikut baki pada setiap bulan.

(c) Pelaburan

Sekuriti Kerajaan Malaysia dan sekuriti hutang swasta jangka panjang yang dijangka akan dipegang sehingga matang dinyatakan pada kos selepas pelunasan premium atau pertambahan diskaun dari tarikh pembelian sehingga pelaburan tersebut matang.

Sekuriti Kerajaan Malaysia dan pelaburan-pelaburan lain yang dijangka akan dipegang untuk tempoh yang pendek dinyatakan pada jumlah terendah antara kos dan nilai pasaran.

Sekuriti hutang secara Islam yang dijangka akan dipegang sehingga matang dinyatakan pada kos selepas pelunasan premium atau pertambahan diskaun dari tarikh pembelian sehingga pelaburan tersebut matang.

(d) Aset tetap dan susut nilai

Aset tetap dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul.

Susut nilai dikira menurut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut pada sepanjang anggaran hayat berguna aset tersebut. Kadar susut nilai tahunan utama yang digunakan adalah seperti berikut:

Peralatan pejabat	20 - 25%
Kenderaan bermotor	20%
Perabot dan kelengkapan	10%

(e) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan faedah dikira menurut asas akruan. Untuk operasi secara Islam, pendapatan diambil kira menurut perakaunan asas akruan.

(f) Premium dan diskaun ke atas bon pembawa tidak bercagar terbitan Syarikat ini

Premium ke atas bon pembawa tidak bercagar merupakan lebihan harga terbitan daripada nilai penebusan bon berkenaan dan ditambah kepada penyata pendapatan mengikut jangka hayat bon tersebut. Apabila nilai penebusan melebihi harga terbitan bon berkenaan, perbezaan berkenaan iaitu diskaun yang diperolehi akan dilunaskan kepada penyata pendapatan mengikut jangka hayat bon tersebut.

(g) Diskaun ke atas nota pembawa tidak bercagar terbitan Syarikat ini

Diskaun ke atas nota pembawa tidak bercagar merupakan lebihan nilai penebusan daripada harga terbitan nota berkenaan dan dilunas kepada penyata pendapatan mengikut jangka hayat nota tersebut.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (Sambungan)

(h) Cukai tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya, dengan menggunakan kaedah liabiliti, di atas perbezaan sementara iaitu perbezaan di antara asas cukai aset dan liabiliti dengan nilai buku di dalam penyata kewangan. Perbezaan sementara pokok timbul daripada susut nilai aset tetap dan berkaitan dengan perolehan pelaburan, di atas perbezaan di antara nilai saksama perolehan aset bersih dengan asas cukainya.

Kadar cukai yang telah digubal atau digubal secara hakiki pada tarikh kunci kira-kira digunakan untuk menentukan cukai pendapatan tertunda.

Aset cukai tertunda diiktiraf hanya pada tahap sekiranya untung boleh cukai pada masa hadapan berkemungkinan diperolehi dan boleh digunakan untuk mengimbangi perbezaan sementara yang digunakan.

(i) Tunai dan kesamaan tunai

Tunai dan kesamaan tunai terdiri daripada tunai dan baki di dalam bank dan institusi kewangan yang lain dan pelaburan jangka pendek di dalam instrumen pasaran wang yang akan matang dalam tempoh tiga bulan.

(j) Instrumen kewangan berimbangan

Aset dan liabiliti kewangan diimbangi dan nilai bersih aset dan liabiliti tersebut dilaporkan di dalam kunci kira-kira apabila terdapat hak kuat kuasa undang-undang untuk menolak selesai nilai yang telah dikenalpasti dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada asas bersih, atau mengiktiraf aset dan menyelesaikan liabiliti tersebut pada masa yang sama.

(k) Swap kadar faedah

Sebarang perbezaan yang akan dibayar atau diterima di atas kontrak swap kadar faedah diiktiraf sebagai salah satu komponen perbelanjaan faedah atau pendapatan faedah pada sepanjang tempoh perjanjian. Kerugian atau laba yang disebabkan oleh penamatan awal kontrak swap kadar faedah akan diambil kira di dalam penyata pendapatan.

(l) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Syarikat ini mempunyai kewajipan undang-undang atau konstruktif semasa akibat peristiwa-peristiwa lepas dan apabila terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi faedah-faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut dan juga anggaran yang boleh dipercayai dapat dibuat ke atas jumlah kewajipan tersebut.

(m) Zakat

Ini merupakan pembayaran zakat yang diwajibkan ke atas Syarikat ini untuk operasi secara Islamnya bagi mematuhi prinsip Syariah.

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (Sambungan)

(n) Faedah pekerja

(i) Faedah jangka pendek pekerja

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar, bonus dan faedah bukan monetari adalah diakru di dalam tempoh pemberian perkhidmatan berkaitan oleh pekerja Syarikat ini.

(ii) Faedah sesudah pekerjaan

Syarikat ini menyumbang kepada pelan sumbangan nasional yang telah ditetapkan (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) dan amaun yang disumbangkan kepada pelan tersebut diambil kira di dalam penyata pendapatan di dalam tempoh yang berkenaan. Setelah sumbangan itu dibayar, Syarikat ini tidak lagi mempunyai kewajipan pembayaran.

3 TUJUAN DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO

Syarikat ini berhadapan dengan empat jenis risiko utama yang merangkumi risiko pasaran, risiko kecairan, risiko kredit dan risiko operasi. Tujuan utama Syarikat ini dalam pengurusan risiko adalah untuk mengurus serta mengaitkan risiko dengan ganjarannya secara berkesan. Ianya untuk memaksimumkan nilai para pemegang syer Syarikat ini di samping memastikan Syarikat ini dapat mengekalkan prestasinya.

Lembaga Pengarah telah meluluskan Rangka Kerja Pengurusan Risiko yang membentangkan, antara lain, peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat dalam pengurusan risiko. Lembaga Pengarah memikul tanggungjawab utama dalam pengurusan risiko. Lembaga Pengarah menetapkan selera terhadap risiko dan paras toleransi yang konsisten dengan keseluruhan objektif perniagaan dan profil risiko yang dikehendaki oleh syarikat ini. Lembaga Pengarah juga sering menyemak dan meluluskan kesemua dasar pengurusan risiko dan pendedahan terhadap risiko yang ketara.

Sepanjang tahun ini, Lembaga Pengarah telah meluluskan penubuhan sebuah Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang baru iaitu Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (Jawatankuasa). Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menyelia pengurusan risiko yang berkaitan dengan operasi dan kegiatan Syarikat ini.

Jawatankuasa ini dibantu oleh Unit Pengurusan Risiko yang diwujudkan pada bulan Disember 2001. Ianya bertujuan untuk menyelia dan melaporkan secara bebas pendedahan risiko Syarikat ini, dan menyelaraskan pengurusan risiko secara menyeluruh. Unit Pengurusan Risiko ini bebas daripada jabatan dan unit lain yang terlibat dalam kegiatan pengambilan risiko.

Risiko-risiko yang dihadapi dan strategi yang diterima pakai oleh Syarikat ini dalam menguruskannya adalah seperti berikut:

(a) Risiko Pasaran

Risiko pasaran adalah risiko kerugian yang timbul daripada kedudukan di dalam dan di luar kunci kira-kira yang disebabkan oleh pergerakan bertentangan dalam tahap atau kemudahubahan kadar faedah atau harga pasaran. Syarikat ini terdedah terutamanya kepada risiko kadar faedah yang berkaitan dengan terbitan sekuriti hutang setelah komitmen diberikan untuk membeli pinjaman dan hutang. Oleh kerana Syarikat ini terpaksa membeli jumlah pinjaman dan hutang yang agak besar sebelum menerbitkan bon, margin Syarikat ini mungkin akan berkurangan sekiranya kadar hasil bon meningkat di antara masa pembelian pinjaman dan hutang dengan penerbitan sekuriti hutang.

3 TUJUAN DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO (Sambungan)

(a) Risiko Pasaran (Sambungan)

Syarikat ini juga menghadapi risiko ketakpadanan pendanaan di antara aset dengan liabilitinya. Walaupun mempunyai kematangan berkontrak, hayat purata aset bergantung kepada kadar bayaran terdahulu sebenar. Portfolio aset Syarikat ini mempunyai hayat purata yang lebih pendek sekiranya kadar bayaran terdahulu adalah tinggi. Oleh kerana ketakpadanan pendanaan, Syarikat ini akan menghadapi risiko pelaburan semula pada kadar yang lebih rendah atau pinjaman pada kadar yang lebih tinggi.

Risiko kadar faedah dikurangkan melalui pengawasan secara teliti dagangan bon dalam pasaran sekunder dan jangkaan pasaran semasa terhadap kadar faedah dan kadar hasil bon. Keupayaan Syarikat ini untuk menerbitkan sekuriti hutang dalam masa yang paling singkat turut mengurangkan pendedahan Syarikat ini kepada risiko pendanaan tertangguh. Untuk meminimumkan kesan belian balik ke atas aliran tunai, Syarikat ini juga telah mewajibkan penggantian ke atas kesemua pinjaman dan hutang yang dibeli balik, kecuali pinjaman perumahan yang mempunyai pilihan penggantian.

Pada bulan Disember 2001, Lembaga Pengarah telah meluluskan Dasar Pengurusan Perbendaharaan sebagai sebuah rangka kerja untuk menangani pendedahan Syarikat ini kepada risiko perbendaharaan. Dasar Pengurusan Perbendaharaan berkenaan membentangkan, antara lain, struktur dan fungsi Jabatan Perbendaharaan, dasar berkenaan pengurusan kecairan, pendanaan dan pelaburan, pengurusan risiko yang berkaitan dengan kegiatan perbendaharaan dan urus niaga yang dibenarkan, serta had-had untuk kegiatan perbendaharaan.

Selaras dengan rancangan Syarikat ini untuk mewujudkan pendekatan menyeluruh dalam menguruskan risiko dan setelah mengenal pasti risiko pasaran sebagai risiko utama yang dihadapi oleh Syarikat ini, Lembaga Pengarah telah meluluskan Dasar Risiko Pasaran pada bulan Ogos 2003. Dasar Risiko Pasaran tersebut membentangkan, antara lain, takrif dan jenis-jenis risiko pasaran, strategi dan dasar dalam menguruskan risiko pasaran, dan tugas serta tanggungjawab pihak yang terlibat dalam pengurusan risiko pasaran.

Sistem Pengurusan Aset Liabiliti membolehkan Syarikat ini membuat simulasi dan menjalankan analisis jurang, margin, durasi dan kepekaan dengan menggunakan senario kadar dan binaan andaian ke atas jumlah portfolio Syarikat ini. Analisis durasi dijalankan sebelum terbitan baru bon untuk memastikan bahawa aset dan liabiliti Syarikat ini dipadankan dengan had toleransi yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Syarikat ini melakukan analisis kepekaan ke atas faedah bersih teramal untuk mengurus pendedahan Syarikat ini kepada perubahan kadar faedah.

Syarikat ini juga menggunakan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak hadapan kadar faedah dan swap kadar faedah untuk mengurus dan melindungi nilai pendedahannya kepada turun naik kadar faedah pasaran. Syarikat ini tidak menjalankan sebarang kegiatan perbendaharaan yang tidak berkaitan dengan aliran tunainya atau yang bersifat spekulasi semata-mata.

(b) Risiko Kecairan

Risiko kecairan timbul apabila Syarikat ini tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk menyelesaikan liabiliti apabila ianya matang. Ini termasuk risiko kegagalan mendapatkan dana dipinjam apabila Syarikat ini memerlukannya atau dana tersebut tidak dapat diperolehi untuk tempoh yang dikehendaki atau pada kos yang berpatutan.

Syarikat ini mengurangkan risiko kecairannya dengan memadamkan masa pembelian pinjaman dan hutang dengan penerbitan sekuriti hutang. Syarikat ini mengekalkan sumber dana belum guna yang mencukupi untuk menghadapi kemungkinan ianya digunakan bagi menjelaskan hutangnya. Pengawasan teliti dan perancangan aliran tunai serta keupayaan Syarikat ini untuk menerbitkan nota-nota bagi pendanaan jangka pendek turut membantu mengurangkan risiko kecairan Syarikat ini.

3 TUJUAN DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO (Sambungan)

(c) Risiko kredit

Syarikat ini membeli pinjaman dan hutang dengan rekursa. Syarikat ini menghadapi risiko kredit apabila rakan niaga gagal membuat pembayaran kepada Syarikat ini, ini mungkin menyebabkan Syarikat ini terpaksa menggantikan urus niaga tersebut dengan rakan niaga yang lain atau membuat pinjaman daripada pasaran wang antara bank. Sebahagian besar daripada pembelian pinjaman dan hutang oleh Syarikat ini adalah daripada institusi kewangan yang berada di bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia. Oleh itu, kebarangkalian kegagalan institusi penjual untuk membuat pembayaran adalah minimum. Pinjaman dan hutang Syarikat ini juga diaudit setiap tahun untuk memastikan bahawa pinjaman dan hutang yang dibeli memenuhi kualiti yang dikehendaki oleh Cagamas.

Risiko kredit juga timbul daripada pelaburan yang dibuat oleh Syarikat ini, di mana perubahan dalam tanggapan pasaran dan taksiran tentang keteguhan kewangan serta kualiti kredit penerbit mungkin mengakibatkan pelaburan tersebut mengalami pergerakan harga yang bertentangan. Syarikat ini mungkin menghadapi kerugian kewangan apabila pelaburan tersebut terpaksa dijual sebelum ianya matang.

Syarikat ini mengurangkan risiko kredit melalui dasar kredit dan had yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Parameter yang digunakan dalam menetapkan had kredit disemak oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. Had kredit untuk rakan niaga bagi pembelian pinjaman dan hutang, pelaburan dan urus niaga pasaran wang disemak dan diawasi dengan lebih kerap. Terdapat juga garis panduan serta had yang ketat untuk pelaburan yang dibenarkan dan pelaburan tersebut adalah terhad kepada sekuriti bermutu tinggi. Tujuan utama pelaburan ialah untuk menguruskan dana Syarikat ini dengan mengoptimalkan pulangan ke atas pelaburan, di dalam kekangan keselamatan dan kecairan, untuk dipadankan dengan ukur rujuk yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Syarikat ini hanya akan menjual pelaburannya sebelum ianya matang dalam keadaan tertentu dan dalam tempoh masa yang munasabah seperti yang dinyatakan di dalam Dasar Pengurusan Perbendaharaan Syarikat ini.

(d) Risiko Operasi

Syarikat ini menghadapi risiko operasi iaitu potensi pendedahan kepada kerugian kewangan atau lain-lain kerugian yang disebabkan oleh kekurangan atau kegagalan proses dalaman, tingkah laku manusia, sistem atau daripada peristiwa-peristiwa luaran. Ianya juga termasuk risiko sumber manusia, perundangan dan reputasi.

Syarikat ini mengurangkan risiko operasinya dengan mengadakan kawalan dalaman, sistem dan tatacara yang komprehensif yang disemak dengan kerap dan tertakluk kepada kekerapan audit oleh Juruaudit Dalaman. Syarikat ini juga menyediakan Pelan Kesenambungan Perniagaan yang komprehensif untuk meminimumkan kesan daripada potensi gangguan bencana dalaman dan luaran kepada operasi Syarikat ini. Pelan Kesenambungan Perniagaan berkenaan dikemaskinikan dengan kerap selaras dengan perubahan dalam proses perniagaan dan diuji untuk memastikan ianya masih berkaitan.

Syarikat ini berada dalam peringkat akhir pelaksanaan Sistem Pengurusan Perbendaharaan dan Sistem Pemprosesan Pinjaman bersepadu untuk mempertingkatkan kecekapan, keupayaan pemprosesan dan pelaporan, dan untuk meminimumkan kebarangkalian berlakunya kesilapan yang disebabkan oleh proses manual. Sistem tersebut mempunyai binaan kawalan dalaman serta pengesahan yang akan membolehkan Syarikat ini mengekalkan dan mengawasi had, dan menerima amaran sekiranya berlaku sebarang pelanggaran had.

4 TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK

	2003 RM'000	2002 RM'000
Tunai dan baki di dalam bank dan institusi kewangan yang lain	548	77
Wang panggilan dan deposit matang dalam tempoh sebulan	60,480	48,540
Wang panggilan Mudharabah dan deposit matang dalam tempoh sebulan	12,620	12,283
	<u>73,648</u>	<u>60,900</u>

5 JUMLAH TERHUTANG DARI RAKAN NIAGA

Berkaitan dengan:		
Pinjaman gadaijanji	15,195,597	14,816,756
Hutang sewa beli dan pemajakan	11,235,826	10,513,326
	<u>26,431,423</u>	<u>25,330,082</u>

Struktur kematangan jumlah terhutang dari rakan niaga adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh setahun	5,993,855	8,676,095
Setahun hingga tiga tahun	11,960,205	9,978,801
Tiga tahun hingga lima tahun	6,752,401	5,589,929
Lebih daripada lima tahun	1,724,962	1,085,257
	<u>26,431,423</u>	<u>25,330,082</u>

6 SEKURITI PELABURAN

Sekuriti Kerajaan Malaysia	34,806	34,806
Bon Khazanah	114,164	114,164
Sekuriti hutang swasta	31,118	-
Sekuriti hutang secara Islam	170,327	51,350
	<u>350,415</u>	<u>200,320</u>
Pelunasan premium ditolak pertambahan diskaun	32,410	24,324
	<u>382,825</u>	<u>224,644</u>

Nilai pasaran sekuriti pelaburan adalah seperti berikut:

Sekuriti Kerajaan Malaysia	33,349	35,157
Bon Khazanah	170,462	176,444
Sekuriti hutang swasta	30,440	-
Sekuriti hutang secara Islam	167,889	52,255
	<u>402,140</u>	<u>263,856</u>

6 SEKURITI PELABURAN (Sambungan)

	2003 RM'000	2002 RM'000
Struktur kematangan sekuriti pelaburan adalah seperti berikut:		
Matang dalam tempoh setahun	25,508	–
Setahun hingga tiga tahun	163,565	10,401
Tiga tahun hingga lima tahun	60,527	89,104
Lebih daripada lima tahun	100,815	100,815
	<u>350,415</u>	<u>200,320</u>

7 HUTANG PEMBIAYAAN SECARA ISLAM

Hutang pembiayaan rumah secara Islam	344,463	244,505
Hutang sewa beli secara Islam	563,226	458,885
	<u>907,689</u>	<u>703,390</u>

Struktur kematangan hutang pembiayaan secara Islam adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh setahun	246,735	81,862
Setahun hingga tiga tahun	342,960	298,676
Tiga tahun hingga lima tahun	279,672	281,866
Lebih daripada lima tahun	38,322	40,986
	<u>907,689</u>	<u>703,390</u>

8 ASET-ASET LAIN

Faedah terakru belum diterima	43,385	43,748
Pinjaman dan pembiayaan kakitangan	3,658	3,400
Deposit	144	144
Bayaran terdahulu	149	83
Lain-lain belum terima	3,647	576
	<u>50,983</u>	<u>47,951</u>

9 ASET TETAP

	Baki pada 1.1.2003 RM'000	Pertambahan RM'000	Pelupusan RM'000	Baki pada 31.12.2003 RM'000
Kos				
Peralatan pejabat	5,836	1,752	(90)	7,498
Perabot dan kelengkapan	619	1	–	620
Kenderaan bermotor	861	–	(53)	808
	<u>7,316</u>	<u>1,753</u>	<u>(143)</u>	<u>8,926</u>
Susut nilai terkumpul				
Peralatan pejabat	2,610	640	(90)	3,160
Perabot dan kelengkapan	217	52	–	269
Kenderaan bermotor	285	164	(53)	396
	<u>3,112</u>	<u>856</u>	<u>(143)</u>	<u>3,825</u>
Nilai buku bersih				
Peralatan pejabat				4,338
Perabot dan kelengkapan				351
Kenderaan bermotor				412
				<u>5,101</u>
Baki pada 1.1.2002				
	Baki pada 1.1.2002 RM'000	Pertambahan RM'000	Pelupusan RM'000	Baki pada 31.12.2002 RM'000
Kos				
Peralatan pejabat	3,986	1,933	(83)	5,836
Perabot dan kelengkapan	556	114	(51)	619
Kenderaan bermotor	709	299	(147)	861
	<u>5,251</u>	<u>2,346</u>	<u>(281)</u>	<u>7,316</u>
Susut nilai terkumpul				
Peralatan pejabat	2,114	576	(80)	2,610
Perabot dan kelengkapan	210	45	(38)	217
Kenderaan bermotor	299	133	(147)	285
	<u>2,623</u>	<u>754</u>	<u>(265)</u>	<u>3,112</u>
Nilai buku bersih				
Peralatan pejabat				3,226
Perabot dan kelengkapan				402
Kenderaan bermotor				576
				<u>4,204</u>

10 BON DAN NOTA PEMBAWA TIDAK BERKAGAR

	Tahun Matang	2003		2002	
		Jumlah Belum Tebus RM'000	Kadar Efektif %	Jumlah Belum Tebus RM'000	Kadar Efektif %
Bon Berkadar Tetap	2003	–	–	5,152,000	3.131 - 4.894
	2004	7,022,000	3.133 - 6.054	7,022,000	3.133 - 6.054
	2005	4,935,000	3.132 - 5.449	3,925,000	3.132 - 5.449
	2006	9,487,000	3.060 - 3.928	4,482,000	3.104 - 3.928
	2007	1,040,000	3.253 - 4.351	1,040,000	3.253 - 4.351
	2008	1,850,000	3.114 - 3.122	–	–
	2011	220,000	3.912	220,000	3.912
		24,554,000		21,841,000	
Campur: Premium belum tambah Tolak: Diskaun belum lunas		7,424 (54,327)		4,728 (8,760)	
		24,507,097		21,836,968	
Sanadat Mudharabah Cagamas	2004	144,000	–	144,000	–
	2006	200,000	–	–	–
	2007	560,000	–	560,000	–
	2008	120,000	–	–	–
	2009	50,000	–	50,000	–
		1,074,000		754,000	
Nota Jangka Pendek	2003	–	–	2,375,000	2.735 - 2.901
	2004	875,000	3.036	–	–
		875,000		2,375,000	
Tolak: Diskaun belum lunas		(22,849)		(25,803)	
		852,151		2,349,197	
Bon dan nota pembawa tidak berkagar		26,433,248		24,940,165	

10 BON DAN NOTA PEMBAWA TIDAK BERKAGAR (Sambungan)

	2003 RM'000	2002 RM'000
Struktur kematangan bon dan nota pembawa tidak berkagar adalah seperti berikut:		
Matang dalam tempoh setahun	8,018,796	7,500,680
Setahun hingga tiga tahun	14,601,565	11,088,432
Tiga tahun hingga lima tahun	3,542,890	6,081,056
Lebih daripada lima tahun	269,997	269,997
	<u>26,433,248</u>	<u>24,940,165</u>

Bon dan nota ini boleh ditebus pada nilai tara pada tarikh-tarikh pembayaran balik, melainkan jika ia telah ditebus sebelumnya, bersama-sama dengan faedah terakru (jika ada) kecuali Sanadat Mudharabah Cagamas yang menurut nisbah perkongsian untung dan boleh ditebus pada nilai tara pada tarikh pembayaran balik melainkan jika berlaku penghausan nilai pokok.

11 CUKAI TERTUNDA

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi apabila terdapat hak kuat kuasa undang-undang untuk menolak selesai aset cukai semasa daripada liabiliti cukai semasa dan sekiranya cukai tertunda tersebut mempunyai kaitan dengan penguasa cukai yang sama. Selepas diimbangi dengan sewajarnya, jumlah yang ditunjukkan di dalam kunci kira-kira adalah seperti berikut:

	2003 RM'000	2002 RM'000
Liabiliti cukai tertunda	11,619	8,531
Aset cukai tertunda	(1,114)	(943)
	<u>10,505</u>	<u>7,588</u>

Pergerakan cukai tertunda pada sepanjang tahun adalah seperti berikut:

Baki pada awal tahun	7,588	4,820
Diambil kira di dalam penyata pendapatan	2,917	2,768
Baki pada akhir tahun	<u>10,505</u>	<u>7,588</u>

11 CUKAI TERTUNDA (Sambungan)

